

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(V)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

9. Kerajaan Negeri sememangnya komited dalam memastikan penjimatan dalam penggunaan tenaga elektrik, berikutan itu jumlah lampu LED yang telah ditukar pasang oleh Pihak Berkuasa Tempatan telah dilaksanakan.
- (a) Nyatakan jumlah yang keseluruhan lampu jalan di dalam setiap Daerah yang telah ditukar pasang.
  - (b) Nyatakan jumlah yang belum ditukar pasang dalam KADUN Air Itam.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Jumlah lampu jalan awam '*High Pressure Sodium Vapour*' (HPSV) yang telah ditukar kepada jenis '*Light Emitting Diode*' (LED) di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sebanyak 6,217 unit iaitu 5,509 unit di Daerah Timur Laut dan 708 unit di Daerah Barat Daya. Tiada lampu jenis LED dipasang di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Pada ketika ini, MPSP sedang melaksanakan '*Request For Proposal*' (RFP) Bagi Cadangan Kerja-Kerja Penggantian Lampu Jalan Jenis HPSV kepada Lampu Jalan Jenis LED di kawasan Seberang Perai. Melalui RFP ini, pemasangan dijangka bermula pada awal Oktober 2018 dan siap sepenuhnya pada Disember 2018.

Jumlah lampu jalan yang terdapat di KADUN Ayer Itam adalah sebanyak 678 unit. Sejumlah 380 unit lampu jalan masih belum ditukar kepada lampu jalan jenis LED di kawasan tersebut.